

Kesemua bot telah dilucut hak, satu inisiatif pulihara biodiversiti marin

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

142 bot nelayan asing dijadikan tukun tiruan

FOTO: IHSAN MARITIM MALAYSIA TERENGGANU

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu telah melupuskan sebanyak 142 buah bot nelayan asing dengan anggaran nilai keseluruhan RM213 juta sejak tahun 2010.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, kesemua bot berkenaan dijadikan tukun bagi pembiakan ikan di sepanjang perairan Terengganu.

“Kaedah penanggalan sebagai tukun merupakan satu inisiatif dalam memulihara biodiversiti marin di samping meningkatkan sektor pelancongan terutamanya aktiviti rekreasi selam.

“Ia juga simbolik kepada ke-

seriusan Maritim Malaysia mengekang serta membanteras kemasukan nelayan asing terutamanya dari Vietnam ke perairan negara,” katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Muhammad Suffi berkata, terbaharu, tiga bot nelayan Vietnam yang telah dilucut hak dijadikan tukun tiruan berhampiran perairan Pulau Kapas, pada Selasa.

Menurutnya, bot berkenaan telah ditahan oleh Kapal Maritim (KM) Langkawi, KM Mulia dan KM Gemia melalui Op Naga Barat dan Op Kuda Laut yang turut melibatkan penahanan 22 kru termasuk tekong warga Vietnam.

“Tiga bot nelayan Vietnam itu ditahan serta dilucut hak oleh mahkamah tahun lalu atas kesalahan menceroboh dan me-



angkap ikan di perairan negara. “Kesemua bot itu disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 15(1) dan 16 (3) Akta Perikanan 1985 iaitu memasuki perairan Malaysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. “Mahkamah turut

mengenakan denda sejumlah RM2.75 juta ke atas tiga bot ini, namun tidak dijelaskan oleh pemilik. Sehubungan itu, mahkamah melucutkan hak ketiga-tiga bot ini untuk dilupuskan manakala 22 nelayan Vietnam dihukum penjara tujuh

bulan,” ujarnya. Tambah Muhammad Suffi, pelupusan bot nelayan Vietnam di perairan Pulau Kapas tersebut merupakan siri keenam yang diadakan tahun ini menjadikan sebanyak 13 bot telah dilupuskan di perairan tersebut.

Antara bot nelayan asing Vietnam yang dilupuskan di Pulau Kapas pada Selasa.